



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2019/06/37 (HQ)

### KONGSI KECERIAAN AIDILFITRI BERSAMA 400 KELUARGA ASNAF

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** berkongsi sinar keceriaan sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan memberi sumbangan kepada 400 keluarga kurang berkemampuan di sekitar Lembah Pantai.

Sebanyak 50 buah keluarga di lapan buah komuniti perumahan Lembah Pantai iaitu Apartment Abdullah Hukum, Apartment Putra Ria, Program Perumahan Rakyat (PPR) Kg. Kerinchi, PPR Seri Anggerik, PPR Pantai Ria, PPR Kg. Limau, PPR Seri Cempaka dan Perumahan Awam Sri Pahang, menerima sumbangan berbentuk makanan.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, YB Fahmi Fadzil, menyerahkan sumbangan TNB itu kepada keluarga-keluarga berkenaan dalam lima majlis berasingan, yang turut dihadiri beberapa pegawai kanan TNB.

“Saya melihat TNB sebagai syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang besar, namun cukup prihatin terhadap kariahnya sendiri. Tahun lepas dua tempat tetapi tahun ini ia dikembangkan kepada lapan tempat,” kata Fahmi pada majlis penyerahan sumbangan persiapan Syawal kepada 150 asnaf PPR Kg Limau, PPR Seri Cempaka dan PPR Pantai Ria baru-baru ini.

Tahun lalu sumbangan yang sama hanya melibatkan para asnaf di Apartment Abdullah Hukum dan Apartment Putra Ria namun pada tahun ini, bilangan penerima ditambah dengan melibatkan enam lagi komuniti di Lembah Pantai.

TNB berharap sumbangan ini bukan sahaja dapat meringankan beban para penerima dalam membuat persiapan menyambut Aidilfitri, bahkan merapatkan lagi hubungan Syarikat dengan masyarakat dalam kejiranan yang sama.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur, pada 3 Jun 2019, jam 3:00 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /*

*Grace Tan di talian 016-6626229 / Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau*

*e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*